

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 2 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYCITE

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



INISIATIF PELAKSANAAN HUDUD DI MALAYSIA: ANALISIS BERDASARKAN PERLEMBAGAAN DAN MAQASID SYARIAH

Implementation Initiatives of Hudud in Malaysia: Analysis Based on The Constitution and Maqasid Shariah

Nur Hafilah Musa¹ & Nur Shafiqah Badlihasham,^{*1} Abdul Muein Abadi,² Muhammad
Khairi Abdul Azib,³ Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif¹

¹Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan, Fakulti Undang-undang, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

²Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

³Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: p159387@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-04>

Article history

Received: 15/10/2025

Revised: 15/11/2025

Accepted: 30/11/2025

Published: 30/12/2025

Abstrak

Isu pelaksanaan hudud sering menjadi perbincangan dalam masyarakat Malaysia, khususnya apabila dikaitkan dengan kedudukan Perlembagaan Persekutuan dan struktur perundangan negara sedia ada. Keberkesanan hudud juga sering diragui dan dipandang dari sudut negatif oleh sesetengah pihak kerana, antaranya, terpengaruh dengan pemikiran Islamofobia. Justeru, kajian ini menganalisis inisiatif pelaksanaan hudud di Malaysia dengan menfokuskan terhadap kerangka Perlembagaan Persekutuan serta perundangan negeri dan Persekutuan. Kajian juga menganalisis dampak pelaksanaan hukuman hudud dari sudut *Maqasid Syariah*. Kaedah kajian yang digunakan adalah analisis dokumen terhadap dasar awam dan enakmen syariah negeri-negeri yang menunjukkan kecenderungan melaksanakan nilai dan prinsip hukum Islam. Dapatan menunjukkan bahawa, meskipun pelaksanaan hudud secara menyeluruh belum lagi berjaya disebabkan oleh halangan perundangan dan ketidaksejajaran dengan struktur perlembagaan sedia ada, usaha-usaha normatif di peringkat negeri mencerminkan satu bentuk adaptasi strategik yang selari dengan Maqasid Syariah. Inisiatif-inisiatif ini memberi kesan positif dari sudut pendidikan, kesedaran sosial, dan pengukuhan identiti Islam dalam ruang awam. Kajian ini turut mencadangkan agar pelaksanaan hudud kelak dilakukan melalui pendekatan bertahap yang mempertimbangkan aspek perundangan, sensitiviti masyarakat majmuk, serta prinsip keadilan dan hikmah dalam Islam.

Kata kunci: hudud; inisiatif; perlembagaan; Maqasid Syariah; dasar negeri

Abstract

The issue of implementing hudud is often a topic of debate in Malaysian society, especially when linked to the position of the Federal Constitution and the existing national legal framework. The effectiveness of hudud is also often questioned and viewed negatively by several quarters due to, among others, the influence of Islamophobia. Therefore, this study analyzes the initiatives to implement hudud in Malaysia by focusing on the framework of Federal Constitution as well as state and federal legislation. The study also analyses the impact of the implementation of hudud punishments from the perspective of *maqasid syariah*. The research method used is document analysis of public policies and state Shariah enactments that show tendencies to implement the values and principles of Islamic law. The findings indicate that although the full implementation of hudud has not yet been successful due to legal obstacles and misalignment with the existing constitutional structure, normative efforts at the state level reflect a form of strategic adaptation in line with the Maqasid Shariah. These initiatives have a positive impact in terms of education, social awareness, and the strengthening of Islamic identity in the public sphere. This study also suggests that the implementation of hudud in the future should be carried out through a gradual approach that considers legal aspects, the sensitivities of a plural society, as well as the principles of justice and wisdom in Islam.

Keywords: hudud; initiative; constitution; Maqasid Shariah; state policy

PENGENALAN

Para ulama bersepakat bahawa kewajipan melaksanakan hudud adalah terletak di bahu pemerintah Islam yang mampu untuk melaksanakannya. Kewajipan tersebut tidak diletakkan atas bahu individu atau mana-mana kumpulan umat Islam (Wizarah al-Awqaf, 1983). Kesalahan jenayah yang akan dikenakan hukuman hudud menurut ijma' para ulama adalah zina, qazaf (menuduh zina tanpa 4 orang saksi), minum arak, mencuri, *hirabah* (merompak) (Audah, 1994). Wujud perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama dalam menentukan sama ada hukuman bunuh terhadap kesalahan murtad adalah termasuk dalam kategori hudud atau tidak. Segelintir ulama menjelaskan hukuman hudud iaitu bunuh, wajib dikenakan ke atas orang yang murtad yang memerangi Islam. Adapun, bagi orang yang murtad tetapi tidak menghina atau memerangi Islam, tidak dikenakan hukuman bunuh terhadapnya. Ketetapan hukum tersebut ditetapkan oleh para ulama setelah mengkaji secara mendalam kesesuaiannya dengan konteks *waqi'* dan maqasid syariah terhadap umat Islam (Zayla'i, 2000).

Kewajipan mengenai hukuman hudud ini telah pun jelas dan merupakan suatu tuntutan akidah kerana ia terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Percaya dan beriman kepada kitab dan Rasul merupakan sebahagian daripada Rukun Iman yang wajib dipegang oleh orang Islam. Perselisihan dalam kalangan ulama adalah mengenai pelaksanaan hukuman hudud sahaja iaitu sama ada ia wajib dilaksanakan ke atas semua anggota masyarakat termasuk orang bukan Islam (*zimmi*) atau ia hanya dilaksanakan terhadap orang Islam sahaja. Para ulama menyatakan dalam urusan ibadat seperti sembahyang, sembelihan, pemakanan dan apa jua yang merangkumi persoalan halal dan haram dalam agama bukan Islam, adalah tidak dibenarkan pemerintah Islam untuk mencampuri urusan mereka. Manakala, bagi urusan yang berkaitan dengan muamalat orang bukan Islam walaupun hukumnya haram dalam agama Islam tetapi dibenarkan dalam agama bukan Islam seperti nikah cerai, meminum arak, dan perbuatan-perbuatan yang lain. Pemerintah Islam tidak dibenarkan untuk mencampuri urusan muamalat tersebut (al-Qaradawiy, t.th).

Seterusnya, bagi perkara berkaitan pencabulan hak, maruah dan harta orang lain seperti mencuri, membunuh, merompak dan qazaf (menuduh zina tanpa empat orang saksi), ijmak para ulama Islam (bersepakat) bahawa hukuman yang dikenakan terhadap orang Islam mahupun bukan Islam adalah hukum Islam iaitu hudud. Hal ini kerana Islam tidak akan berkompromi dengan kezaliman dan kerosakan yang dibuat kepada sesiapa pun (al-Qaradawiy, t.th). Justeru,

walaupun orang yang melakukan kesalahan tersebut merupakan seorang bukan Islam (*zimmi*) tetapi dia telah menjadi seorang warganegara negara Islam yang menjadikannya terikat dengan undang-undang hudud yang memang tidak menyentuh urusan akidah dan kebebasan mereka dalam beragama (Al-Qaradawiy, t.th). Namun terdapat juga pandangan ulama yang menyatakan hudud hanya terpakai kepada orang Islam sahaja sebagaimana yang dinyatakan oleh Hasan Basri, al-Sya'bi, al-Nakha'ei dan al-Zuhri (Mohamed, 2014).

Walaupun tidak kesemua negara Islam pada masa kini melaksanakan hudud di negara masing-masing termasuklah Malaysia, namun usaha melaksanakannya tetap ada menurut kerangka Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia. Pelaksanaan hudud masih belum berjaya sepenuhnya dilaksanakan di negara ini walaupun tiada satu pun peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang secara *verbatim* menghalang pelaksanaan hudud atau undang-undang Islam yang lain (Aziz, 2015).

Perbincangan mengenai pelaksanaan undang-undang dan hukuman hudud di Malaysia tertakluk kepada kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia berdasarkan Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan (PP). Dalam kata lain, tidak ada sebarang undang-undang atau individu yang boleh mengatasi Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, sebarang undang-undang yang baharu yang ingin digubal dan diluluskan oleh mana-mana badan perundangan perlu mematuhi peruntukan perlembagaan (Perlembagaan Persekutuan).

Hudud merupakan undang-undang jenayah Islam. Justeru, punca kuasa untuk membolehkan badan perundangan negeri (dan parlimen bagi Persekutuan) membuat undang-undang berkaitan agama Islam ialah Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Walaupun begitu, skop undang-undang jenayah syariah yang boleh digubal oleh negeri menjadi persoalan. Terdapat dua pandangan yang berbeza mengenai kuasa negeri dalam menggubal undang-undang jenayah syariah termasuk hudud (Muslim, 2017).

Pandangan pertama ialah pandangan yang dipegang oleh kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu yang merujuk kepada istilah 'Islamic Law' atau perundangan Islam. Berdasarkan beberapa wacana mengenai pelaksanaan hudud yang telah diadakan oleh pelbagai pihak, boleh disimpulkan bahawa kedua-dua kerajaan negeri mentafsirkan istilah 'Islamic Law' dalam Butiran 1 secara luas dan tidak terhad kepada undang-undang diri bagi orang Islam semata-mata. Ini boleh difahami daripada penggubalan Enakman Kanun Jenayah Syariah yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1993, 2015 dan 2019 manakala oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada tahun 2002. Walaupun kesemua enakmen berkaitan pelaksanaan hudud ini belum dapat dilaksanakan atas pelbagai faktor, namun, hakikatnya, kewujudan undang-undang telah membuka mata masyarakat Islam di Malaysia untuk memahami undang-undang jenayah Islam termasuk hudud, qisas dan takzir (Buang, 2020).

Pandangan kedua ialah pandangan beberapa orang sarjana perundangan bahawa pelaksanaan undang-undang jenayah Islam termasuk hudud dan qisas adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan termasuk jenayah adalah berada dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan sebagaimana yang termaktub pada Butiran 4, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Antara sarjana tempatan yang berpegang pada pandangan ini ialah Prof Shad Saleem Faruqi (Aziz, 2016). Beliau berpendapat bahawa undang-undang jenayah syariah berkaitan hudud dan qisas yang telah diluluskan oleh DUN Kelantan dan Terengganu adalah bercanggah dengan peruntukan dalam Kanun Keseksaan yang mencakupi kesalahan jenayah seksual seperti liwat dan kesalahan jenayah berat seperti membunuh (Aziz, 2016). Pandangan ini telah diperkukuh dengan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes Nik Elin Zurina v Kerajaan Negeri Kelantan (2024) yang menilai kedudukan sebahagian daripada peruntukan kesalahan dan hukuman hudud yang terkandung dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2019 sebagai tidak berperlembagaan.

Adapun dari sudut hikmah pelaksanaan hukum hudud, ia mampu memberikan keadilan sosial dan ekonomi bagi seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam apabila dilaksanakan secara berhikmah. Namun, sehingga kini masih terdapat persepsi negatif dan ketakutan jika hudud

dilaksanakan dalam kalangan orang bukan Islam termasuklah umat Islam di Malaysia yang masih kurang jelas mengenai hikmah pelaksanaannya walaupun sebenarnya hukum hudud ini merupakan solusi bagi kadar jenayah termasuk di Malaysia yang semakin meningkat (Sarbini et al., 2024). Hal ini mungkin disebabkan oleh pemikiran yang silap terhadap Islam dan Islamofobia yang sengaja dicetuskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menimbulkan ketakutan dalam diri anggota masyarakat terhadap Islam dan ajarannya (Shaheed, 2021). Perkara ini sangat berbahaya kerana ia boleh menimbulkan ketidakharmonian di negara yang terdapat majoriti umat Islam dan masyarakat berbilang agama dan kaum yang lain (Yusof et al., 2023). Sedangkan realiti yang sebenar apabila tidak melaksanakan hudud adalah lebih buruk kesannya sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Negara (2024) bahawa kadar jenayah kekerasan di Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak 10,483 kes. Kadar ini sangat tinggi berbanding Arab Saudi yang melaksanakan hudud. Hukuman mati hanya dilaksanakan ke atas 170 orang, termasuk 33 individu yang dituduh melakukan jenayah berkaitan keganasan pada tahun 2023 (DOSM, 2024).

Justeru itu, kajian ini menganalisis hikmah hukum hudud berdasarkan perspektif Islam dan perlembagaan. Hal ini kerana isu ini masih kurang disedari oleh masyarakat Malaysia khususnya dalam era moden ini yang mana masyarakat berdepan dengan pelbagai cabaran hidup khususnya dalam aspek sosial dan ekonomi. Kajian ini juga menumpukan kepada pendekatan al-Quran dan Sunnah dalam menekankan penggunaan pancaindera ke arah usaha memahami kebesaran Allah s.w.t dan menyampaikan mesej kebaikan kepada manusia.

METODOLOGI

Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis usaha dan hikmah pelaksanaan hudud di Malaysia serta membandingkan keadaan jika tidak dilaksanakan undang-undang hudud atau kesan pelaksanaan undang-undang manusia (*man-made law*). Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kepustakaan. Menurut Yin (2003), kajian kepustakaan merangkumi pembacaan dan analisis terhadap literatur konseptual yang mempunyai maklumat berkaitan dengan permasalahan kajian serta perekodan dan pengklasifikasian secara sistematik seluruh hasil kajian terdahulu. Oleh yang demikian, ia amatlah memerlukan pemerhatian yang tepat dan kajian yang bersifat deskriptif. Kaedah ini penting bagi memperoleh maklumat secara mendalam terhadap topik kajian, penyusunan semula input kajian dan penajaman penelitian dalam mencapai objektif kajian.

Data primer kajian dikumpulkan daripada Perlembagaan Persekutuan, statut perundangan sivil dan syariah di Malaysia yang berkaitan seperti (Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 (Pindaan 2015), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Hudud dan Qisas 2002, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu, kitab-kitab *fiqh*, polisi majlis perbandaran dan laporan indeks jenayah yang berkaitan. Selain itu, ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan hukum hudud juga dianalisis.

Data dokumen yang diperoleh akan mengalami proses penganalisan yang begitu teliti, pengolahan serta dikembangkan dalam bentuk yang lebih teratur. Ia bagi memenuhi objektif kajian yang dijalankan iaitu menganalisis inisiatif pelaksanaan hudud di Malaysia dalam rangka Perlembagaan Malaysia dan *Maqasid Syariah*. Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan yang meliputi pelbagai bidang. Analisis kandungan ini mempunyai kelebihan termasuklah tahap sensitiviti ke atas kandungan teks sesuatu dokumen (Lebar, 2015). Kaedah ini juga terbaik untuk digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, konsep, frasa, atau tema yang wujud dalam sebarang bentuk laporan atau transkripsi bagi rakaman media.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah menghasilkan beberapa tema yang telah dikenalpasti menerusi data yang telah dianalisis. Tema-tema tersebut merangkumi tiga aspek utama yang saling berkait dalam memahami isu pelaksanaan hudud di Malaysia. Tema yang pertama adalah kefahaman dan tahap kesedaran masyarakat terhadap konsep hudud dan kerangka perundangannya. Tema yang kedua pula adalah usaha-usaha pelaksanaan hudud di Malaysia, khususnya melalui inisiatif perundangan di peringkat negeri dan cabarannya dalam konteks Perlembagaan Persekutuan. Tema yang terakhir adalah bagaimana elemen pelaksanaan hudud dapat terus berjalan seiring dengan usaha melestari prinsip *Maqasid Syari'ah* yang utama, termasuk aspek keadilan, keselamatan, dan kesejahteraan masyarakat secara lebih menyeluruh. Pembahagian tema ini penting untuk memastikan analisis dijalankan secara lebih fokus bersistematik untuk melihat realiti pelaksanaan hudud dalam kerangka sosial, perundangan, dan syariah.

Hudud bertujuan memelihara rukun kehidupan manusia iaitu untuk memelihara rukun kehidupan manusia iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, maruah dan harta. Hudud bertujuan untuk mencegah penjenayah daripada mengulangi jenayah yang dilakukan serta pencegahan terhadap masyarakat untuk melakukan jenayah tersebut kerana takut dengan hukuman yang akan dikenakan (Zaidan, 1996). Islam menggalakkan pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat agar mengelakkan diri daripada melakukan jenayah hudud sebelum sampai kepada tindakan menjatuhkan hukuman hudud terhadap pelakunya. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan undang-undang dan hukuman hudud terhad kepada orang Islam sahaja pada masa kini. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang membenarkan skop pelaksanaan terhadapnya kepada orang Islam sahaja iaitu pandangan daripada Hasan Basri, al-Sya'bi, al-Nakha'ei dan al-Zuhri. Hal ini kerana, walaupun pelaksanaan hudud hanya dikenakan terhadap orang Islam, namun, kesan pelaksanaannya dalam mengurangkan jenayah akan dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat, termasuk bukan Islam (Mohamed, 2014).

Undang-undang syariah termasuk hudud menitikberatkan aspek pencegahan, pendidikan dan keadilan yang selari dengan hak asasi manusia dalam Islam. Contohnya, hukuman berat seperti rejam bagi penzina membuatkan masyarakat takut untuk melakukan jenayah. Islam juga mencegah perbuatan yang boleh membawa kepada jenayah dan hukuman hudud, seperti pengharaman khalwat dan arak (Zaidan, 1996) yang tidak ditekankan dalam undang-undang sivil.

Kefahaman dan Tahap Kesedaran Masyarakat Berkaitan Hudud

Isu pelaksanaan hudud di Malaysia sering mengundang pelbagai pandangan sama ada positif dan negatif daripada pelbagai pihak. Polemik ini berlaku kerana tahap kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap konsep, hukum, dan implikasinya dalam konteks negara moden. Kajian-kajian lepas menyatakan ketakutan atau persepsi yang tidak tepat mengenai hudud adalah berpunca daripada pemikiran Islamofobia yang ditiupkan oleh Barat (Yusof, 2023). Setelah kejatuhan empayar Islam ke tangan penjajah barat, berlaku perubahan dalam sistem pendidikan. Di Malaysia khususnya, masyarakat Melayu Islam yang sinonim dengan sistem pendidikan pondok dan agama telah diberi pilihan untuk bersekolah Inggeris atau sekolah Melayu yang tidak terlalu menekankan pendidikan agama secara mendalam. Sistem pendidikan tersebut diwarisi sehingga kini menerusi penubuhan sekolah kebangsaan. Silibusnya yang tidak terlalu mendalam mengenai pendidikan agama dan hanya menjadikan pendidikan agama Islam sebagai satu subjek pembelajaran dan pilihan ketika di peringkat menengah. Keadaan ini menjadi salah satu punca masyarakat Islam kini agak skeptikal dan kurang memahami pentingnya pelaksanaan hudud bagi membasmi masalah jenayah yang semakin membarah di negara ini (Mohd Nasir & Badlihasham, 2022).

Kesan daripada pendidikan Islam yang tidak mendalam dalam kalangan masyarakat orang Islam di Malaysia telah melahirkan orang Islam yang mudah terpengaruh dengan fahaman sekularisme iaitu memisahkan antara prinsip agama Islam dan hal ehwal dunia. Bagi golongan ini,

pendidikan Islam hanya dipelajari sebagai suatu subjek di sekolah atau agama hanya berkait mengenai perkara ibadat sahaja tanpa ada keperluan untuk mendaulatkan Islam dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam aspek pemerintahan dan undang-undang negara. Penyebaran Islamofobia ini jelas terbukti menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Yusof, et al. (2023) mengenai trend penyebaran kandungan berunsur Islamofobia di media sosial. Jadual di bawah menunjukkan kadar kegagalan bertindak platform media sosial terhadap siaran media sosial yang mengandungi unsur penyebaran Islamofobia.

Jadual 1: Kadar Kegagalan Platform Media Sosial Bertindak Terhadap Siaran yang Mengandungi Unsur Penyebaran Islamofobia

Sumber: Yusof et.al, (2023)

Bil	Media Sosial	Bilangan Kandungan	Peratusan
1	Facebook	118 daripada 125	94.4%
2	Twitter	102 daripada 105	97.1%
3	YouTube	23 daripada 23	100%
4	Instagram	195 daripada 227	85.9%
5	TikTok	32 daripada 50	64%

Hal ini menunjukkan trend penyebaran kandungan Islamofobia ini seolah-olah sengaja dibiarkan dan tidak diambil sebarang tindakan segera. Perkara ini pasti akan memberi kesan terhadap pemikiran masyarakat termasuk umat Islam yang majoritinya menggunakan media sosial untuk berhubung dalam kehidupan mereka.

Selain itu juga, sikap melampau segelintir umat Islam yang bermudah-mudah dalam mengkafirkan Muslim lain hingga menyebabkan perpecahan telah menyebabkan penularan persepsi buruk terhadap Islam dan hudud. Terdapat segelintir masyarakat yang terlalu ghairah dalam beragama sehingga berdakwah tanpa hikmah, melaksanakan syariat tetapi tidak mengikut *fiqh* yang sebenarnya lalu menyebabkan imej Islam menjadi buruk. Ada pula yang berjihad tanpa kefahaman agama secara mendalam hingga memberi persepsi negatif terhadap Islam dan ajarannya. Sikap yang sepatutnya diambil oleh umat Islam adalah mengikuti pesanan Imam Malik yang menyatakan tidak mudah untuk mengkafirkan seseorang Muslim itu kerana kejahilan atau jauh daripada ilmu dan ulama (Mohd Nasir & Badlihisam, 2022).

Punca kesalahfahaman mengenai keadilan undang-undang Islam ini adalah kelemahan sebahagian ulama dalam menghadapi cabaran semasa dalam bentuk hiburan, kejahilan umat yang terpengaruh dengan pemikiran sekularisme, berita palsu dan lain-lain. Terdapat ulama yang memberi pemahaman yang salah terhadap istilah Islam seperti *siyasah syar'iyah*, *maqasid al-syari'ah*, *rukhsah* dan kaedah *fiqh* seperti kemudaratan (hanya diambil) cukup sekadar yang diperlukan sahaja. Hal ini telah mengakibatkan golongan pemerintah bermudah-mudah (*tasahul*) dalam pelaksanaan syariat Islam. Malah, terdapat golongan pemerintah yang menentang kumpulan Islam yang berjuang mendaulatkan hukum Islam (Mohd Nasir & Badlihisam, 2022).

Hal ini diperkukuhkan dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap hudud masih terhad dan bercampur antara persepsi agama, politik, dan undang-undang (Mohd et al., 2008; Musa, 2013; Musa, 2015). Masyarakat sering salah faham mengenai hukuman hudud yang keras tanpa melihat pada aspek keadilan atau konteks sosial secara menyeluruh. Kajian Junaidi et al. (2003) menyatakan, sebahagian besar masyarakat awam hanya mengenali hudud secara asas melalui sumber yang tidak jelas kesahihannya seperti media massa atau video ceramah pendek di media sosial tanpa mendalami mengenai nas-nas syarak dan prinsip *Maqasid Syariah* yang mendasari hukum tersebut. Justeru, terdapat jurang yang besar antara pemahaman ilmiah dengan persepsi awam.

Kajian oleh Ismail et al. (2008) pula mendapati ramai responden menyatakan bahawa hudud ini hanyalah mengenai hukuman keras semata-mata tetapi tidak memahami prosedur pembuktian, syarat pelaksanaan, atau hikmah di sebalik pelaksanaannya. Apatah lagi, tahap kefahaman mengenai skop bidang kuasa mahkamah syariah dan sivil juga masih rendah dalam kalangan masyarakat. Hal ini memberi kesan terhadap tahap penerimaan awam bagi sebarang usaha pelaksanaan hudud oleh kerajaan negeri atau mana-mana kumpulan agama (Musa, 2013).

Walau bagaimanapun, kajian Awang (2020) menunjukkan bahawa ada perubahan positif mengenai kesedaran dalam kalangan penjawat awam hospital yang terdedah dengan perbincangan akademik dan wacana ilmiah mengenai hukum hudud. Hal ini memberi suatu semangat baharu kepada semua yang memperjuangkan pelaksanaan hukum hudud ini kerana tahap kefahaman masyarakat semakin baik jika diberikan ruang pendidikan dan pencerahan yang sesuai.

Namun, tidak dinafikan salah faham atau persepsi negatif mengenai hudud masih berlaku dan perkara ini memerlukan usaha yang jitu daripada semua pihak untuk menanganinya. Secara keseluruhan, sorotan literatur yang lepas menunjukkan bahawa usaha pelaksanaan hudud di Malaysia perlu bergerak seiring dengan usaha pemerkasaan ilmu dan kefahaman yang berterusan mengenai hudud. Hal ini dapat dilakukan menerusi pendekatan pendidikan, dialog antara agama, dan penjelasan dasar Kerajaan negeri dengan lebih menyeluruh.

Usaha Pelaksanaan Hudud di Malaysia

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan merupakan satu tonggak perundangan penting yang mencapai kelulusan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada November 1993. Kanun ini diluluskan secara sebulat suara tanpa sebarang bantahan, menunjukkan kesepakatan politik yang tinggi pada masa itu. Proses penggubalannya melibatkan kolaborasi antara tokoh-tokoh perundangan terkemuka negara seperti Allahyarham Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim, Allahyarham Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, dan Allahyarham Tun Salleh Abbas, bersama tokoh agamawan Kelantan. Sebelum dibentangkan di DUN, draf kanun ini telah melalui proses pembentangan dan perbincangan awam yang meluas, melibatkan pelbagai segmen masyarakat di Kelantan mahupun di Kuala Lumpur (Mahmod Saedon, 1994).

Namun begitu, selepas lebih dua dekad, kanun ini masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya sehingga hari ini. Halangan utamanya adalah kekangan bidang kuasa dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Kelantan, dalam usaha merealisasikan pelaksanaan kanun tersebut, telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi mengkaji dan merancang strategi pelaksanaannya. Hasil daripada pelbagai siri perbincangan, forum, dan seminar, Jawatankuasa Teknikal telah mencadangkan tiga aspek utama untuk diambil kira bagi menjayakan pelaksanaan kanun ini. Aspek-aspek tersebut adalah mengatasi halangan perundangan, menjelaskan kekeliruan yang timbul dalam kalangan sesetengah pihak terhadap peruntukan Enakmen, dan mengemaskini struktur serta pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan (Hassan, 2015).

Berdasarkan cadangan ini, Kerajaan Negeri Kelantan bertekad untuk melaksanakan kanun tersebut pada tahun 2015, tetapi hanya dalam kerangka yang dibenarkan oleh undang-undang sedia ada. Usaha pelaksanaan ini difokuskan kepada mendapatkan kelulusan Parlimen, di mana ia tidak memerlukan sebarang pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, ia hanya memerlukan pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355). Selain itu, satu rang undang-undang persendirian akan dibawa ke Parlimen bertujuan untuk meluaskan bidang kuasa Dewan Undangan Negeri Kelantan selaras dengan peruntukan 76A(1). Secara keseluruhannya, inisiatif ini menuntut komitmen dan keikhlasan yang tinggi daripada semua pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta agensi-agensi kerajaan yang terlibat (Hassan, 2015).

Dari segi struktur, kanun ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian I dan II memperincikan jenis-jenis kesalahan serta hukuman bagi Hudud dan Qisas. Bahagian III menyediakan peruntukan kritikal mengenai pembuktian, termasuk syarat-syarat saksi, keterangan, pengakuan, dan qarinah (indikasi). Bahagian ini juga merangkumi peruntukan Ta'zir sebagai hukuman alternatif sekiranya kesalahan Hudud atau Qisas tidak dapat disabitkan akibat kekurangan bukti. Bahagian IV menggariskan tatacara pelaksanaan hukuman. Manakala, Bahagian VI khusus memperuntukkan penubuhan Mahkamah Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas, di samping kelayakan dan pelantikan hakim (Fadzli Hassan, 2015). Kesalahan-kesalahan Hudud yang disenaraikan di bawah Bahagian I (Seksyen 4 hingga Seksyen 23) kanun

ini meliputi enam jenis kesalahan utama: *sariqah* (mencuri), *hirabah* (merompak), *zina* (melakukan persetubuhan haram), *qazaf* (tuduhan zina tanpa empat saksi), *syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan), dan *irtidad/riddah* (keluar dari agama Islam) (Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 (Pindaan 2015)).

Cabaran pelaksanaan hudud di Malaysia juga berlaku apabila Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 (Pindaan 2015) yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan bagi melaksanakan. Dalam kes *Nik Elin Zurina binti Nik Abdul Rashid & Anor v Kerajaan Negeri Kelantan* [2024], Mahkamah Persekutuan membuat keputusan bahawa sebahagian besar peruntukan enakmen tersebut *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan. Justeru, hakim telah bertindak membatalkan 16 daripada 18 peruntukan undang-undang dalam enakmen tersebut. Kesemua peruntukan yang dicabar adalah peruntukan undang-undang jenayah Islam termasuk hudud, qisas dan takzir. Dalam kes tersebut, mahkamah telah memutuskan bahawa kuasa untuk menggubal undang-undang jenayah bukan di bawah bidang kuasa Dewan Undangan Negeri, seperti yang telah pun diperuntukkan dalam bidang kuasa Persekutuan menurut Senarai I, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (Sinar Harian, 2025).

Namun begitu, kerajaan negeri Kelantan kini sedang berusaha membentangkan penggubalan semula 16 seksyen Enakmen Syariah yang telah dibatalkan pada Mac tahun hadapan, Kerajaan Negeri Kelantan mengambil inisiatif untuk memperbetul dan menyesuaikan semula kerangka Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) agar selari dengan Perlembagaan Persekutuan susulan banyak peruntukan enakmen tersebut dibatalkan dalam keputusan kes *Nik Elin*. Libat urus bersama jawatankuasa pelaksana dan induk, dengan kerjasama Majlis Jemaah Ulama MAIK, termasuk penggubalan semula beberapa peruntukan yang berisiko untuk dicabar telah dilaksanakan dengan teliti. Beliau turut menyatakan penggubalan semula peruntukan-peruntukan tersebut dibuat dengan lebih cermat dan efisien agar menepati kehendak Perlembagaan Persekutuan. Kelantan melaksanakan inisiatif ini secara proaktif untuk memastikan undang-undang ini dapat terus dilaksanakan secara sah (Sinar Harian, 2025).

Usaha pelaksanaan hudud di Terengganu pula dilakukan melalui proses yang sangat teratur, teliti dan melibatkan pelbagai pihak berautoriti sebelum ia diluluskan secara rasmi. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M dirangka oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal Hudud yang terdiri daripada ulama, mufti, pakar undang-undang syariah serta pegawai syariah negeri bagi memastikan setiap peruntukan menepati hukum syarak dan selari dengan struktur perundangan negeri. Kandungan enakmen tersebut turut melalui proses semakan menyeluruh oleh Mufti Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sebelum dibawa ke Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk diluluskan. Hasilnya, pada 2 September 2002, DUN Terengganu meluluskan enakmen tersebut, diikuti dengan perkenan rasmi DYMM Sultan Terengganu, seterusnya ia diwartakan pada 23 September 2002 dan berkuat kuasa pada 27 Oktober 2003 (MAIS, 2015).

Intipati enakmen ini menjadikan jenayah hudud, qisas dan takzir sebagai sebahagian daripada undang-undang negeri Terengganu. Ia mengandungi enam daripada tujuh kesalahan hudud yang masyhur dalam kitab-kitab fiqh, iaitu mencuri, merompak, zina, qazaf, minum arak dan murtad, manakala bughah tidak dimasukkan. Enakmen ini turut menetapkan bahawa jika sesuatu kesalahan hudud atau qisas tidak berjaya dibuktikan mengikut kaedah keterangan yang ketat dalam syariah, kes tersebut akan disiasat sebagai kesalahan takzir dan dihukum mengikut kaedah takzir. Menariknya, enakmen ini bukan sahaja terpakai kepada orang Islam, tetapi juga boleh dikenakan kepada bukan Islam sekiranya mereka memilih untuk tertakluk di bawah enakmen tersebut, menunjukkan bahawa pelaksanaannya memberi ruang pilihan kepada pihak bukan Islam (Mohamed, 2014).

Secara keseluruhannya, hudud di Terengganu telah melalui proses penyediaan, penelitian dan pengesahan yang ketat oleh ulama, pihak berautoriti agama dan institusi negeri sebelum diwartakan. Walaupun enakmen ini telah sah dari segi undang-undang negeri, pelaksanaannya masih tidak dapat diteruskan kerana kekangan Perlembagaan Persekutuan, yang menetapkan bahawa kesalahan-kesalahan jenayah berat seperti mencuri dan membunuh berada di bawah

bidang kuasa mahkamah sivil persekutuan. Namun begitu, usaha ini tetap menggambarkan komitmen negeri Terengganu dalam memartabatkan perundangan Islam melalui saluran yang sah dan teratur (Razali, 2014).

Walaupun kedua-dua enakmen ini belum dapat dikuatkuasakan kerana halangan perlembagaan, Parti Islam Semalaysia (PAS) yang menguasai kerajaan negeri Kelantan sehingga kini terus berusaha mendapatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan supaya negeri mempunyai kuasa melaksanakan hudud. PAS berhadapan dengan cabaran besar kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa undang-undang jenayah terletak di bawah kuasa kerajaan Persekutuan. Mahkamah Syariah di Malaysia hanya boleh menjatuhkan hukuman maksimum 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 kali sebatan (Akta Mahkamah Syariah 1965 atau Akta 355). Oleh itu, PAS berusaha melalui mekanisme politik seperti pindaan Akta 355 untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagai langkah ke arah pelaksanaan hudud (Malaysia Gazette, 2021).

Usaha untuk melaksanakan hudud di Malaysia memerlukan pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (pindaan 1984), atau dikenali sebagai Akta 355, kerana akta sedia ada menghadkan kuasa Mahkamah Syariah kepada maksimum 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 sebatan, sekali gus menjadikan hukuman hudud seperti rejam, potong tangan atau 100 sebatan tidak dapat dilaksanakan walaupun negeri menggubal undang-undang hudud. Sehubungan itu, PAS telah memainkan peranan penting dalam memulakan usaha meminda Akta 355 bagi meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah supaya ia mempunyai kedudukan lebih tinggi berbanding Mahkamah Majistret dan dapat menjatuhkan hukuman jenayah syariah yang lebih selaras dengan kehendak syariah. Roadmap usaha ini bermula pada 2016–2017, apabila Presiden PAS, Tan Sri Dato' Seri Abdul Hadi Awang, membentangkan Usul Persendirian di Parlimen untuk meminda Akta 355, namun usul tersebut gagal dibahaskan akibat kekangan politik dan tentangan daripada beberapa blok parti (MAIS, 2015).

Perkembangan ini diteruskan apabila PAS menjadi sebahagian daripada kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada tahun 2020. Ketika itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, mengarahkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil menyediakan draf pindaan RUU 355. Jawatankuasa ini mengadakan beberapa siri mesyuarat termasuk ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan draf pindaan mengambil kira pandangan perundangan, perlembagaan dan syariah. Usaha ini diteruskan oleh Senator Datuk Idris Ahmad yang menjawab jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) setelah berlakunya rombakan kabinet dalam kerajaan (Malaysia Gazette, 2021). Hasilnya, pada 11 dan 12 Oktober 2021, draf RUU 355 dibentangkan kepada semua negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil Ke-27, di mana negeri-negeri memberikan maklum balas dan cadangan penambahbaikan. Cadangan-cadangan ini kemudian dibawa kembali ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 29 Mac 2022 untuk dimuktamadkan (Malaysia Gazette, 2021).

Pada 26 Ogos 2022, Jemaah Menteri termasuk menteri-menteri UMNO yang ketika itu berada dalam kerajaan telah bersetuju secara prinsip untuk meminda Akta 355. Sokongan ini menunjukkan bahawa usaha memperkasa bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak hanya digerakkan oleh PAS, tetapi turut mendapat kerjasama parti-parti lain dalam kerajaan. Selepas itu, Jabatan Peguam Negara menyemak dan meluluskan draf pindaan Akta 355 tersebut pada 7 Oktober 2022, menjadikan ia sedia untuk dibentangkan di Parlimen. Bacaan pertama dijadualkan pada akhir Oktober 2022 dan sasaran kelulusan pada November 2022. Namun, rancangan ini tergendala apabila Parlimen dibubarkan secara mengejut bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15, menyebabkan proses pindaan tertangguh (Malaysia Gazette, 2021).

Selain usaha di Parlimen, PAS turut mengambil langkah pendidikan awam melalui TV Al-Hijrah, IKIM dan program penerangan masyarakat bagi menjelaskan konsep dan tujuan sebenar hudud dan pindaan Akta 355. Ketika ini, RUU Akta 355 telah siap sepenuhnya, namun masih menunggu kerajaan sedia ada untuk membawanya kembali ke Parlimen bagi dibahaskan dan diluluskan. Keseluruhannya, usaha meminda Akta 355 menunjukkan komitmen bersama antara

PAS, institusi kerajaan, pihak berautoriti agama, dan juga parti lain seperti UMNO yang pernah menyatakan sokongan prinsip untuk memperkasa Mahkamah Syariah sebagai prasyarat penting sebelum mana-mana negeri boleh melaksanakan undang-undang hudud secara berperlembagaan (Malaysia Gazette, 2021).

Menjaga Maqasid Syari'ah yang Utama

Antara hikmah pelaksanaan hukum hudud adalah untuk menjaga *maqasid syari'ah* yang utama, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Hal ini kerana apabila tertegaknya hukum hudud ini, ia mampu menghalang seseorang itu daripada melakukan maksiat. Maka ia boleh menjadi jaminan kepada masyarakat sejagat, dengan menyebarkan keamanan dan keadilan, serta memperolehi ketenteraman dalam menjalani kehidupan. Syeikh Dr. Muhammad Abu Syahbah dalam Majalah Muhadharat Rabitah al-Alami Islami tahun 1396 Hijrah di Makkah al-Mukarramah menyatakan kesemua jenayah hudud membawa kepada kerosakan dan kesemuanya boleh mencacatkan asas Islam yang lima atau keperluan penjagaan dan pemeliharaan lima asas yang disepakati oleh semua agama, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, maruah dan harta (al-Bakri, 2023).

Terdapat banyak nas daripada al-Quran dan hadis yang menggambarkan betapa beruntungnya mereka yang kembali kepada syariat Allah SWT dan berhukum dengannya, berbanding dengan yang mengingkari serta memilih segala kanun dan undang-undang yang lain, bukan semata-mata boleh menghalang kes dan indeks jenayah tetapi melahirkan lebih banyak jenayah baru. Sebagai contoh, hukuman hudud jika tak dilakukan kepada orang yang meminum arak, maka masyarakat akan berdepan dengan kes kemalangan jalan raya akibat pemandu mabuk. Hal ini sebagaimana yang direkodkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu sebanyak 149 kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk didakwa di bawah Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi tempoh Januari 2021 hingga September 2024 (Astro Awani, 2024).

Dalam satu kes pada tahun 2021, kemalangan disebabkan oleh pemandu mabuk telah meragut nyawa bapa kepada keluarga dan menyebabkan kecacatan kekal kepada anak-anak. Kes ini menunjukkan memandu di bawah pengaruh arak bukan sahaja meragut nyawa tetapi turut menghancurkan masa depan ahli keluarga mangsa. Di United Kingdom (UK), angka rasmi jenayah akibat meminum arak adalah 45- 46 % kejadian jenayah, 39 % keganasan rumah tangga dan hampir 1 juta serangan ganas berlaku pada 2007 hingga 2008 berpunca daripada mabuk atau separuh mabuk. Bahkan, Kajian University College London (2018) yang mengkaji kesan alkohol di udara mendapati alkohol memberi kesan dua kali ganda lebih kuat di udara berbanding di darat. Tekanan oksigen rendah dan dehidrasi menyebabkan penumpang lebih mudah hilang kawalan. Beberapa insiden global membuktikan bahayanya jika dibenarkan minum arak di dalam kapal terbang. Antaranya, British Airways pada 2023, penumpang mabuk menumbuk kru dan cuba buka pintu kecemasan; United Airlines pada tahun 2022, mabuk hingga pesawat berpatah balik; Ryanair pada tahun 2019, pergaduhan dalam kabin, pendaratan cemas dan juga; Qantas pada tahun 2018 apabila penumpang cuba serang juruterbang (harakahdaily, 2025).

Selain itu, antara hikmah pengharaman zina dan dikenakan hukum hudud bagi kesalahan tersebut, adalah bagi mengelakkan mereka yang terlibat dengan zina ini akhirnya membuang atau membunuh anak yang lahir dari zina tersebut. Pada 25 Mac 2024, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaporkan sebanyak 509 kes pembuangan bayi yang berlaku dari 2018 hingga Februari 2024. Tiga negeri yang mencatatkan jumlah kes kumulatif tertinggi dalam tempoh berkenaan iaitu Selangor (111 kes), diikuti Johor (64 kes) dan Sabah (56 kes) (Sinar Harian Online, 2025). Zina akan meningkatkan bebanan sosial dan ekonomi. Contohnya, tekanan emosi anak luar nikah yang hidup dengan stigma negatif masyarakat dan tanpa kasih sayang seorang bapa.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan seramai 16,951 orang remaja hamil yang berusia 19 tahun ke bawah dan tidak berkahwin telah direkodkan di fasiliti kerajaan dari

2020 hingga 2024 di Malaysia. Jumlah itu pula adalah sebahagian daripada 41,842 orang remaja hamil berusia 19 tahun ke bawah secara keseluruhan (Sinar Harian Online, 2025). Hal ini pasti memberikan tekanan ekonomi kepada ibu tunggal untuk menjaga anak tersebut sendirian. Kerajaan juga terpaksa mengambil alih tugas memelihara anak tersebut yang sepatutnya menjadi tanggungjawab ibubapa kandungnya. Hal ini sebagaimana yang terjadi di Barat seperti Amerika Syarikat apabila kerajaan terpaksa mengambil alih tugas menyara anak luar nikah tersebut kerana masyarakat tidak mahu bertanggungjawab memelihara anak tersebut serta institusi keluarga sudah tidak dianggap penting lagi. Kerajaan Amerika Syarikat juga telah memperkenalkan program *Abstinence-Only Education* di sekolah-sekolah sejak awal tahun 1990-an. Program Abstinence bermaksud tidak melakukan hubungan seks (vaginal, oral, atau anal) untuk mencegah kehamilan dan jangkitan penyakit seksual (STD) (World Population Review, 2024).

Antara hikmah lain larangan zina atau seks bebas dalam Islam adalah bagi memastikan pengesahan identiti biologi untuk rawatan perubatan dan keserasian genetik. Hikmah lain juga dapat memudahkan saringan dan pencegahan penyakit keturunan. Kesejahteraan mental dan emosi juga dapat dipelihara daripada trauma dengan larangan zina ini. Islam menggalakkan perkahwinan untuk menjaga hak lelaki dan perempuan termasuk hak nafkah isteri dan anak, perlindungan, kasih sayang dan sebagainya yang tidak ada dalam perhubungan zina. Perkahwinan digalakkan bagi menambah bilangan masyarakat. Manakala, seks bebas dilarang kerana kebiasannya akan mencegah komplikasi reproduktif dan menyebabkan kemandulan (KKM, 2023).

Hudud juga mampu menggerunkan penjenayah kerana hukumannya yang keras seperti hukuman bunuh dan kemudian disalib selama tiga hari di tempat yang tinggi seperti kayu dan sebagainya bagi mereka yang membunuh dan merompak akan dihukum. Adapun bagi mereka yang merompak sahaja akan dihukum potong tangan dan kaki secara bersilang. Maksudnya, tangan kanannya akan dipotong pada bahagian pergelangan tangan dan kaki kirinya akan dipotong pada pergelangan kaki. Namun begitu, jumlah harta yang dirompak mestilah mencecah kadar yang ditetapkan dalam kesalahan mencuri iaitu suku dinar (bersamaan 1.05 gram) atau lebih, atau yang sama nilai dengannya. Sekiranya harta yang dirompak tidak mencecah jumlah tersebut, hakim boleh mengenakan hukuman takzir yang sesuai. Hukuman bagi kesalahan hirabah adalah berbeza mengikut kesalahan penjenayah tersebut (MAIS, 2015). Hal ini bertepatan dengan surah al-Maidah ayat 33:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ آءَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا ۖ أَوْ يُصَلَّبُوا ۖ أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ۚ ذَٰلِكَ لَهُمْ جِزْيٌ فِي اللَّئِنِيَّاتِ ۖ وَهُمْ فِي لَآءٍ ۖ أَحَرَّةٍ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.”

Jabatan Perangkaan Negara 2024 (DOSM) merekodkan kadar jenayah di Malaysia melibatkan jenayah kekerasan iaitu jenayah menyebabkan kecederaan, pembunuhan, rogol, rompakan berkumpulan (bersenjata), rompakan berkumpulan (tidak bersenjata), rompakan solo (bersenjata) dan rompakan solo (tidak bersenjata) memfokuskan data pada tahun 2023 dengan jumlah keseluruhan kes sebanyak 10,483. DOSM (2025) pula merekodkan 58,255 kes jenayah indeks pada 2024, meningkat 11.1 peratus berbanding 52,444 kes pada tahun sebelumnya. Menurut Laporan Statistik Jenayah, Malaysia tahun 2025 yang merangkumi data jenayah bagi tempoh 2022 hingga 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia peningkatan ini didorong terutamanya oleh jenayah harta benda, yang melonjak 12.4 peratus kepada 47,188 kes. Manakala

jenayah kekerasan turut meningkat 5.9 peratus dengan 11,067 kes direkodkan (Astro Awani, 2025).

Berbanding dengan negara yang sepenuhnya melaksanakan hudud seperti Arab Saudi, sepanjang tahun 2023, hukuman mati hanya dilaksanakan ke atas 170 orang, termasuk 33 individu yang dituduh melakukan jenayah berkaitan keganasan. Kes jenayah terancang di negara ini juga lebih ekstrem dan sering bermotifkan dendam atau ugutan. Kes jenayah juga melibatkan bukan sahaja orang awam tetapi juga penjawat awam dan anggota polis. Hal ini menunjukkan undang-undang sedia ada kurang berkesan untuk menggerunkan penjenayah agar tidak melakukan jenayah dan menyebabkan kehidupan masyarakat tidak tenteram (Astro Awani, 2024).

Perlaksanaan hukuman hudud menghasilkan signifikan tertentu, antaranya adalah menyucikan seseorang itu dari dosa jenayah tersebut yang telah dilakukannya di dunia ini. Hikmat ini dijelaskan dalam hadis riwayat ‘Ubadah bin al-Samit R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika erjanjian ‘Aqabah:

يَعُوبِي عَلَى أَنْ لَا تُشْرِكُوا اللَّهَ شَيْئًا، وَلَا تَسْرِقُوا، وَلَا تَزْنُوا، وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ، وَلَا تَوَابِعُهُنَّ تَقْتَرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْحِلِكُمْ، وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ، فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى ، وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي النَّيْلِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ، وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَتَرَهُ فَهُوَ إِلَى ، إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عُلِقَ بِهِ

Maksudnya: “Berbai’ahlah kamu kepadaku bahawa sesungguhnya kamu tidak akan menyekutukan sesuatu dengan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anakmu, tidak akan mengada-adakan sesuatu secara dusta dengan penuh kesedaran antara tangan dan kaki kamu, dan tidak akan menderhaka dalam perkara ma’ruf. Sesiapa di antara kamu menyempurnakan janji itu maka pahalanya dijamin Allah, dan sesiapa yang melanggar sesuatu daripada apa yang dijanjikannya itu, lalu Allah menghukumnya di dunia, maka itu adalah kaffarah baginya, dan sesiapa yang melanggar mana-mana janji tersebut kemudian Allah menyembunyikannya (tidak menghukumnya di dunia), maka urusannya kembali kepada Allah, sama ada Allah akan memaafkannya atau akan menyeksanya.”

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab ‘Alamah al-Imam hubb al-Ansar, No. 18)

Justeru, apabila seseorang yang telah melakukan kesalahan jenayah hudud yang sangat besar dosanya, hati mereka akan merasa tenang kerana yakin bahawa pelaksanaan hudud ini akan menggugurkan dosa mereka dan mereka tidak akan lagi dihisab di akhirat kelak kerana dosa jenayah tersebut. Terdapat suatu perkara yang perlu ditekankan iaitu beban pembuktian hudud adalah sangat ketat dan sukar untuk dipenuhi. Jika terdapat hanya sedikit syubhah atau keraguan, maka hukuman hudud itu akan digugurkan dan digantikan dengan hukuman takzir yang sesuai menurut keputusan hakim atau dibebaskan berdasarkan fakta kes tersebut. Malah Saidina Umar bin al-Khattab telah menyatakan bahawa hakim yang tersalah melepaskan orang yang bersalah lebih baik daripada hakim tersebut tersalah menghukum orang yang tidak bersalah berdasarkan riwayat al-Baihaqi dalam *Sunannya*. Kebanyakan kes yang diputuskan oleh Rasulullah SAW juga adalah disabitkan melalui pengakuan tertuduh sendiri (iqrar) dan bukan disabitkan melalui keterangan saksi sebagaimana riwayat Imam Malik dalam *al-Muwata’* (Mohamed, 2014).

Hal ini membuktikan betapa sukarnya untuk membuktikan kesalahan jenayah hudud dan membuktikan bahawa Islam lebih menggalakkan taubat nasuha setelah melakukan dosa jenayah hudud tersebut berbanding dihukum hudud. Namun, apabila pesalah itu sendiri mengaku melakukan kesalahan jenayah hudud itu dan meminta untuk dihukum dengan hukuman hudud, hal ini bermakna hudud tersebut mampu memberi jalan keluar sebagai kaffarah dosa bagi pesalah tersebut dan memberi keyakinan dan ketenangan kepadanya bahawa dia akan terselamat hukuman di akhirat yang jauh lebih besar azabnya.

Hukuman bagi kesalahan mencuri sering dianggap terlalu keras iaitu potong tangan namun, pensabitan bagi kesalahan tersebut adalah sangat ketat. Hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri hanya dilaksanakan jika memenuhi syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat untuk

seseorang disabitkan dengan hukuman potong tangan termasuk pencuri adalah orang yang baligh, berakal, dan melakukannya dengan kehendak sendiri (tidak dipaksa), nilai barang yang dicuri mencapai kadar minimum (nisab), iaitu seperempat dinar (± 1.06 gram emas), barang yang dicuri berada dalam tempat simpanan yang selamat (contohnya dalam rumah, peti besi, atau stor), pencuri sedar bahawa perbuatannya adalah salah dan melakukannya secara sengaja, pertimbangan mengenai nilai pendapatan pencuri, zaman kemarau serta ekonomi merudum perlu diambil kira, tiada unsur syubhah (keraguan), contohnya, jika pencuri mengambil barang milik umum dan bersama, hukuman hudud tidak dikenakan. Jenayah curi itu dibuktikan dengan saksi atau pengakuan, dan tidak boleh bergantung kepada bukti tidak langsung sahaja, pencuri tiada hubungan keluarga dengan mangsa, tuan barang menafikan orang yang dituduh mencuri hartanya atau menafikan keterangan saksi-saksi. Pencuri menarik balik pengakuan, sedangkan pertuduhan ke atasnya dibuat tanpa bukti, hanya bersandarkan pada pengakuannya semata-mata dan pencuri mengakui bahawa barang yang dicuri adalah miliknya dengan bukti yang sah yang dapat diterima kesahihannya. Jika mana-mana syarat di atas tidak dipenuhi, hukuman hudud tidak boleh dijalankan. Sebaliknya, pencuri boleh dikenakan hukuman takzir seperti denda, penjara, atau hukuman lain yang ditetapkan oleh hakim atau undang-undang (MAIS, 2015).

Pensyariatan hukum hudud bagi jenayah mencuri adalah seperti yang dinyatakan dalam surah al-Ma'idah ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Di dalam ayat di atas, Allah SWT berfirman mengenai salah satu kaedah hukum hudud yang wajib dilaksanakan iaitu, memotong tangan terhadap mereka yang mencuri sekiranya telah cukup syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak. Antara hikmah pensyariatan hukuman hudud bagi pencuri seperti memotong tangan adalah sebagaimana berikut menjaga kemaslahatan umum, sebagai pengajaran bagi sesiapa yang berniat untuk mencuri harta orang lain, membersihkan pencuri dari dosa yang telah dilakukan, menegakkan keamanan dan ketenangan dalam masyarakat serta melindungi harta (Wizarah al-Awqaf, 1983).

Salah satu tujuan syariah Islam adalah menjaga harta yang telah Allah jadikan amanah di tangan manusia untuk digunakan dalam ketaatan kepada-Nya dan bagi tujuan mengimarahkan bumi-Nya yang dijadikan sebagai tempat untuk menegakkan syariatnya. Oleh kerana itu, Allah menggalakkan perdagangan secara halal dan mengharamkan segala bentuk keuntungan yang haram seperti penindasan, kezaliman, dan riba. Yang paling buruk dan paling keji di antara hal tersebut adalah pencurian, kerana itu merupakan perbuatan keji yang mengakibatkan keamanan terganggu serta menimbulkan ketakutan di hati orang ramai. Maka Allah menetapkan hukuman bagi pencuri yang memenuhi syarat-syarat yang boleh dijatuhkan hukuman ke atasnya dengan memutuskan tangan kanannya (Wizarah al-Awqaf, 1983).

Hikmah hukuman hudud terhadap jenayah zina adalah kerana zina menjadi punca utama kepada penyebaran virus HIV -*Human Immunodeficiency Virus*, iaitu virus yang menyerang sistem imun manusia. Sistem imun manusia berfungsi sebagai “askar” yang melindungi badan daripada jangkitan dan penyakit. Tetapi apabila seseorang dijangkiti HIV, virus ini melemahkan askar-askar badan tadi secara perlahan-lahan. Jika tidak dirawat, HIV boleh berkembang menjadi AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome*), iaitu tahap paling serius di mana badan hampir hilang pertahanan diri. Pada akhir tahun 2022, dianggarkan terdapat 86,142 orang yang hidup dengan HIV (PLHIV) di Malaysia, yang mana 69,589 orang (81%) menyedari status mereka dan telah dimaklumkan melalui sistem pemantauan nasional. Zina atau seks bebas termasuk LGBTQ dijangka menjadi populasi utama dalam kalangan kumpulan berisiko utama di Malaysia untuk

menghidap HIV pada tahun 2030 seperti yang dijangkakan oleh Pemodelan Epidemik Asia (AEM) (Global AIDS Monitoring, 2023).

Hikmah pengharaman arak dan hukum hudud pula dikenakan ke atas pelaku tersebut adalah kerana ketagihan arak memberi kesan jangka pendek serta panjang kepada sistem tubuh manusia. Hal ini akan lebih bermasalah jika arak diminum dengan kuantiti yang banyak. Peminum arak mempunyai risiko gangguan koordinasi, mabuk, 'hangover' yang menyebabkan sakit kepala, loya, muntah & cirit-birit, penyakit jantung, hati, perut, gangguan saraf, dan risiko kematian awal akibat kemalangan atau penyakit. Arak juga merosakkan otak, menyebabkan hilang tumpuan, kesukaran belajar, dan kecenderungan untuk bertindak tanpa kawalan. Pada hati, arak menyebabkan luka dan parut yang boleh membawa kepada sirosis hati dan kematian. Arak juga mencetuskan masalah gastrik, ulser perut, serta gangguan saraf yang boleh menyebabkan halusinasi, paranoia, dan kemurungan. Bagi wanita hamil, pengambilan arak boleh menyebabkan kecacatan janin seperti saiz kepala kecil, koordinasi otot lemah, serta gangguan perkembangan (Baharin, t.th).

Kajian *Journal Lancet* (2018) yang melibatkan 195 buah negara dari tahun 1990 hingga tahun 2016 juga telah menunjukkan bahawa alkohol adalah penyumbang utama kepada masalah kesihatan global, tanpa kadar selamat untuk pengambilannya. Malah, Ketua Pegawai Perubatan UK (2016) turut menegaskan bahawa tiada kadar selamat untuk alkohol. Negara-negara bukan Islam seperti Republik Ireland, Kanada, Perancis, dan Norway telah melarang minum arak di tempat awam bagi mengawal masalah ini (Harakahdaily, 2025). Menurut Aerospace Medical Association (2020) pula, alkohol di udara boleh menurunkan kadar oksigen darah sehingga 30% dan meningkatkan risiko pita atau tekanan darah tinggi. Selain itu, kajian *Journal of Travel Medicine* (2017) pula menunjukkan alkohol melambatkan adaptasi zon masa dan menjadikan *jet lag* yang lebih teruk. Justeru, kesan minum arak dalam kapal terbang juga mempunyai kesan yang memudaratkan kesihatan sehingga banyak syarikat Barat kini mengehadkan pengambilan arak di dalam kapal terbang mereka seperti; Jet2 (UK)- Larangan alkohol sebelum penerbangan; EasyJet (Eropah)- Had jumlah alkohol dalam kabin; Qantas (Australia) - Had dua gelas maksimum setiap penumpang dan Japan Airlines- Galakan minuman tradisional tanpa alkohol. Hal ini menunjukkan bahawa hikmah pengharaman arak dan hukuman hududnya yang keras telah diakui dunia kerana melihat kepada kesan buruk pengambilan arak tersebut bukan sahaja terhadap kesihatan individu tetapi juga terhadap keamanan masyarakat yang lebih terjamin daripada mereka yang hilang kawalan diri akibat pengaruh alkohol (Harakahdaily, 2025).

PERBINCANGAN

Usaha pelaksanaan hudud di Malaysia, khususnya melalui inisiatif negeri Kelantan dan Terengganu, menunjukkan komitmen berterusan pelbagai pihak terhadap pengukuhan undang-undang jenayah syariah mengikut kerangka perlembagaan. Walaupun pelaksanaan hudud secara menyeluruh masih terhalang oleh batas bidang kuasa persekutuan, langkah pengkanunan seperti Enakmen Hudud Kelantan 1993, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, serta usaha meminda Akta 355 membuktikan wujud usaha yang konsisten, tersusun dan profesional. Proses penyediaan enakmen negeri-negeri berkenaan juga melibatkan pihak berautoriti seperti mufti, jabatan agama, ulama fiqh, dan pakar undang-undang syariah, sekali gus menunjukkan bahawa hudud tidak digubal secara tergesa-gesa atau tanpa penelitian ilmiah. Selain PAS, kerajaan Persekutuan pada beberapa ketika termasuk tokoh UMNO dan pemimpin kerajaan terdahulu turut menyokong proses penyelarassannya melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil (Sadat et al., 2024).

Hikmah di sebalik inisiatif kea rah pelaksanaan hudud dapat dilihat dalam matlamat besarnya, iaitu menjaga agama, nyawa, maruah, akal, keturunan dan harta enam tunjang kesejahteraan manusia. Hukuman hudud bagi kesalahan zina dan minum arak mempunyai fungsi pencegahan awal untuk menghalang berlakunya kerosakan sosial yang lebih besar, seperti

keruntuhan institusi keluarga, ketagihan, jenayah seksual, dan masalah anak luar nikah. Ketatnya syarat pembuktian, seperti keperluan empat orang saksi lelaki adil bagi kes zina, menunjukkan hudud tidak bertujuan menghukum sebanyak mungkin pesalah, tetapi memastikan masyarakat sedar akan beratnya jenayah tersebut serta besarnya implikasi sosial daripada jenayah tersebut. Jika keterangan tidak mencukupi, tertuduh mungkin dikenakan hukuman takzir yang lebih ringan atau dibebaskan berdasarkan fakta setiap kes (Idris, 2024). Islam juga mencegah perbuatan yang boleh membawa kepada jenayah dan hukuman hudud, seperti pengharaman khalwat dan arak, yang tidak ditekankan dalam undang-undang sivil. Hal ini menunjukkan, hudud bukan bertujuan untuk menghukum seramai-ramai penjenayah, namun, menggerunkan masyarakat untuk tidak melakukan jenayah, dan impaknya menjamin keamanan dalam kehidupan masyarakat (Idris, 2024).

Hikmah sebatan sebagaimana dijelaskan oleh al-Qurtubi, Ibn Taimiyyah, al-Bassam dan al-Fauzan turut menampilkan sifat ihsan hukum Islam, hukuman bukan bersifat menyakitkan atau menghina, tetapi mendidik, membersihkan dosa, mencegah pengulangan maksiat dan memulihkan pesalah. Unsur ketelusan hukuman yang dilaksanakan secara terbuka seperti yang disyariatkan juga memberi atamesej pencegahan kolektif kepada seluruh masyarakat. Tambahan pula, dapatan moden seperti kajian Dr. Herman Pilipenko menunjukkan sebatan merangsang endorfin yang dapat membantu mengurangkan ketagihan alkohol, menunjukkan hikmah yang selari dengan keperluan kesihatan awam (al-Bakri, 2023).

Dari sudut sosial dan ekonomi pula, hudud tidak menyasarkan aktiviti perdagangan, pelaburan, atau urusan komersial. Ia hanya mensasarkan jenayah individu yang memberi impak buruk kepada masyarakat. Negara seperti Arab Saudi dan Brunei yang melaksanakan undang-undang syariah tetap menarik pelaburan besar dalam sektor minyak, gas, teknologi dan pelancongan membuktikan bahawa undang-undang hudud bukan faktor utama bagi pelabur asing (Reuters, 2024; FDI Report, 2023). Kejelasan dasar, kestabilan politik dan kepastian undang-undang adalah pertimbangan sebenar pelabur.

Di Malaysia sendiri, negeri-negeri di bawah pentadbiran PAS seperti Kelantan telah menunjukkan bahawa nilai Islam boleh diterjemahkan kepada tadbir urus bersih melalui Dasar Membangun Bersama Islam (MBI), prinsip Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI), serta rekod bebas rasuah selama lebih 34 tahun. Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK), pemindahan akaun kerajaan kepada Bank Islam, dan penghapusan premis judi yang kemudian diikuti Kedah dan Perlis menunjukkan keseriusan pelaksanaan nilai Islam dalam bidang kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang. Penjualan arak kepada bukan Islam masih dibenarkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), antaranya larangan penjualan kepada orang Islam, had masa penjualan dan syarat tambahan lain. Langkah ini bertujuan untuk memelihara ketenteraman sosial dan moral masyarakat awam, seterusnya menyokong perkembangan ekonomi jangka panjang. Usaha-usaha ini juga adalah manifestasi prinsip syariah dalam ruang lingkup kuasa negeri dan berperanan sebagai langkah awal ke arah pelaksanaan hudud yang lebih menyeluruh pada masa hadapan (Suaree & Musa, 2025).

Pelaksanaan hudud di Malaysia perlu dilihat dalam konteks berperingkat, dan berasaskan kerangka undang-undang negara. Justeru, walaupun hudud belum dapat dilaksanakan secara menyeluruh, usaha pengkanunan undang-undang jenayah syariah di peringkat negeri serta inisiatif pindaan Akta 355 merupakan langkah wajar dan signifikan dalam memperkasa Mahkamah Syariah serta menyediakan asas undang-undang yang lebih kukuh bagi masa hadapan. Usaha ini menunjukkan kesungguhan politik, komitmen ilmiah, serta pendekatan bertahap yang menghormati realiti perlembagaan negara. Hikmah pelaksanaan hudud yang menekankan pencegahan, pendidikan moral, kesejahteraan sosial dan kestabilan masyarakat menjadikan usaha ini bukan sahaja relevan, tetapi penting untuk pembentukan masyarakat yang berdisiplin, aman dan sejahtera.

KESIMPULAN

Usaha pelaksanaan hudud di Malaysia menunjukkan perjalanan panjang yang berasaskan penelitian ilmiah, semakan hukum syarak, serta keperluan mematuhi kerangka Perlembagaan Persekutuan. Walaupun pelaksanaan hudud secara menyeluruh masih belum dapat direalisasikan kerana batasan bidang kuasa Mahkamah Syariah, langkah pengkanunan seperti Enakmen Hudud Kelantan 1993 dan Enakmen Hudud Terengganu 2002 serta inisiatif pindaan RUU 355 merupakan usaha konkrit, tersusun dan wajar dipuji. Kesemua proses penggubalan ini telah melalui penelitian ulama, mufti, jabatan agama, pakar undang-undang syariah serta mendapat perkenan pihak berkuasa agama negeri, sekali gus menolak tanggapan bahawa hudud digubal secara tergesa-gesa atau tanpa autoriti ilmiah. Usaha PAS juga disokong oleh kerajaan Persekutuan pada beberapa peringkat melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang turut dianggotai tokoh-tokoh daripada pelbagai latar politik termasuk UMNO.

Hikmah pelaksanaan hudud memperlihatkan bahawa tujuan hukum tersebut bukanlah untuk menghukum sebanyak mungkin pesalah, tetapi menegakkan pencegahan awal bagi menjaga enam tunjang kemaslahatan manusia: agama, nyawa, akal, keturunan, maruah dan harta. Syarat pembuktian yang ketat, seperti empat orang saksi lelaki adil bagi kes zina, serta kewujudan ruang takzir bagi kes yang tidak memenuhi standard bukti hudud, menunjukkan sifat ihsan dan keadilan dalam hukum Islam. Kajian dalam booklet turut menunjukkan bahawa hudud memiliki fungsi besar dalam mencegah kerosakan sosial moden seperti penularan HIV melalui seks bebas, peningkatan kes anak luar nikah, risiko kesihatan akibat alkohol, dan implikasi sosial yang membebankan negara. Dengan itu, hikmah hudud bukan sahaja dalam bentuk hukuman, tetapi dalam bentuk pemulihan masyarakat, penjagaan kesihatan awam, dan pengukuhan institusi keluarga.

Dalam konteks ekonomi, bukti yang dikemukakan daripada pengalaman negara seperti Arab Saudi dan Brunei menunjukkan bahawa hudud tidak semestinya menjejaskan pelaburan asing. Sebaliknya, kestabilan politik, ketelusan dasar dan kepastian undang-undang memainkan peranan lebih besar dalam mempengaruhi keyakinan pelabur. Malaysia sendiri telah membuktikan bahawa penerapan nilai Islam dalam pentadbiran, seperti Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) Kelantan, prinsip Ubudiyah–Mas’uliyah–Itqan, dasar ekonomi Islam, penghapusan premis judi, dan reformasi pentadbiran PBT, mampu mewujudkan masyarakat lebih berdisiplin, bersih daripada rasuah, serta sejahtera secara sosial dan moral. Usaha menerapkan nilai Islam dalam pemerintahan dan polisi kerajaan negeri ini adalah sebahagian daripada usaha ke arah pelaksanaan hudud yang lebih menyeluruh pada masa hadapan.

Walaupun undang-undang dan hukuman hudud belum dilaksanakan pada masa ini, usaha pengkanunan, penyelarasan dasar dan pendidikan masyarakat merupakan langkah penting untuk membina kefahaman, mengurangkan salah tanggapan, dan memupuk suasana sosial yang kondusif bagi pelaksanaan hukum syariah yang adil dan berkesan. Hudud dalam konteks Malaysia bukan sekadar wacana hukum, tetapi usaha membentuk masyarakat yang lebih aman, bermoral, sihat, berakhlak dan bebas daripada jenayah yang merosakkan masa depan negara.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah geran UKM PP-2024-006 “Menangani Salah Faham Golongan Profesional Muslim dan Bukan Muslim Dalam Isu-isu Berkaitan Islam dan Perlembagaan” dan SK-2024-021 “Menangani Salah Faham Golongan Profesional Muslim dan Bukan Muslim Dalam Isu Islam dan Politik.” yang dibiayai Future Research Sdn. Bhd.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, metodologi, pengumpulan data & analisis, Nurhafilah Musa, Nur Shafiqah Badlihissham & Abdul Muein Abadi; semakan dan penyuntingan; Muhammad Khairi Abdul Azib, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- ‘Audah, A. Q. (1994). *Al-Tashri‘ al-Jina‘iy al-Islamiy*. Mu’assasah al-Risalah.
- 1Media. (2025). Arak di udara: Antara PAS & DAP, siapa betul? <https://www.1media.my/2025/10/arak-di-udara-antara-pas-dap-siapa.html>
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355).
- Al-Bakri, Z. M. (2023). Hukuman hudud dan hikmah pensyariatannya [Artikel #7781]. #7781: Hukuman Hudud dan Hikmah Pensyariatannya – Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri
- Al-Qaradhawi, Y. (t.th.). *Iltizam ahkam al-qanun al-Islamiy*. Qaradawi.net. http://www.qaradawi.net/new/index.php?option=com_content&view=article&id=2585&catid=269&Itemid=545
- Al-Quran al-Karim
- Anita, D. N., Sarbini, S., & Ubaidillah, M. B. (2024). Filsafat hukum Islam dan hikmah. *As-Syar‘i: Jurnal Bimbingan & Konseling Keluarga*, 6(2), 1335-1344.
- Astro Awani. (2024). 149 kes pemandu mabuk didakwa di mahkamah sejak 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/149-kes-pemandu-mabuk-didakwa-di-mahkamah-sejak-2021-497344>
- Astro Awani. (2024). Hukuman berat jika buat jenayah di Makkah, Madinah. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hukuman-berat-jika-buat-jenayah-di-makkah-madinah-495196>
- Astro Awani. (2024). Jenayah Indeks Malaysia merekodkan 58,255 kes pada 2024. Jenayah Indeks Malaysia merekodkan 58,255 kes pada 2024.
- Awang, A. (2020). Perspektif kakitangan hospital terhadap hukuman hudud: Hospital staff perspectives on hudud punishment. *Journal of Fatwa Management and Research*, 20(1), 24–39.
- Aziz, S. A. (2016). Maqasid Al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu perbahasan awal. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 28(2), 304.
- Baharin, N. (t.th.). *Arak dan kesannya*. i-Medik. <https://imedik.org/arak-dan-kesannya/>
- Buang, A. H. (2020). Memperkukuhkan kredibiliti institusi Mahkamah Syariah di Malaysia dalam memenuhi tanda aras global. Dalam Mohamed Azam Mohamed Adil et al. (editor). *Mahkamah Syariah di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestarikan Hadapan*, Penerbit UiTM Shah Alam.
- Dasar dan Garis Panduan Kelantan State Government. (t.th.). Dasar dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras dan Meminum Arak di Tempat Awam di Negeri Kelantan [PDF]. [LAMPIRAN. Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan - PDF Free Download](#)
- Department of Economic Planning and Development. (2023). *FDI Report 2023* [PDF]. <https://deps.mofe.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/DOS/FDI/FDI%20Report%202023.pdf>
- Dusuki, A. W. (Ed.). (2015). Pelaksanaan hudud di Malaysia: Satu analisis. Kertas Kerja Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Hudud dan Qisas 2002.
- Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 (Pindaan 2015).
- Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Hukum Hudud) Negeri Kelantan
- Harakahdaily. (2025, Januari). Tak benar jualan arak di kawasan majoriti Muslim. <https://harakahdaily.net/2025/01/tak-benar-jualan-arak-di-kawasan-majoriti-muslim/>
- Ibn Anas, M. (2013). *Al-Muwatta of Imam Malik Ibn Anas* (A. Bewley, Trans.). Routledge.
- Ibn Jarir, A.J.T. (1994). *Jami‘ al-Bayan ‘an Ta’wil Ayi al-Qur‘an*. Mu’assasah al-Risalah.
- Ibnu Kathir, I. (2004) *Tafsir Ibnu Kathir*, ter. M. Abdul Ghoffar, dkk (Bogor, Pustaka Imam Syafi‘i).
- Idris, M. N. M., & Marhaban, N. (2024). Hudud dalam al-Quran; historisitas dan pengembangan hukum Islam. *Fathir: Jurnal Studi Islam*, 1(2), 212-223.

- Ismail, C. L., I, Abdul Hamid, M. N., & Shah Razali, M. (2008). *Jenayah Syariah di kalangan Remaja Negeri Perlis*. RMI UiTM Perlis.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024, 16 Oktober). Statistik Jenayah, Malaysia, 2024. https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20241016122006.pdf
- Junaidi, J., & Ruskam, A. (2003). *Sikap pelajar terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia: Kajian ke atas pelajar bukan Muslim di Fakulti Pendidikan*, UTM [Unpublished dissertation]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kadir, M. N. A. (2018). Hukuman terhadap tindakan murtad dalam perspektif masyarakat majmuk dan keamanan negara. *Jurnal Hadhari*, 10(2), 191-203.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2023). Laporan Global AIDS Monitoring 2023. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Laporan/Umum/Laporan_Global_AIDS_Monitoring_2023.pdf
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Hudud: Satu penjelasan* [PDF]. <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/HUDUD-SATU-PENJELASAN.pdf>
- Malaysia Gazette. (2021) – RUU 355 masih dalam penelitian-Ibrahim Ahmad [RUU355 masih dalam penelitian - Idris](https://www.majlis.gov.my/ruu/355)
- Mohamed, M. (2014, May 24). *Isu-isu perundangan dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan* [Conference paper]. Seminar Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan, PUTIK Kelantan.
- Mohd Nasir, B. & Badlihisam, N. S. (2022). Ulasan buku *Pemetaan Baharu Dunia Islam* oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (2021). *Journal of Al-Tamaddun*, 17(1), 205–207. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.16>
- Mohd, Z., Rahman, S. M. A. S. A., Ali, E. M. T. E., & Yusof, M. A. M. (2008). Pandangan masyarakat Islam Terengganu terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariat (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1, 115-123.
- Musa, N. (2014). Adakah Federalisme Penghalang kepada Pelaksanaan Syariah di Malaysia dalam Undang-undang Syariah di Malaysia, 33-55, Persatuan Ulama Malaysia.
- Musa, N. (2015). Penerapan konsep mas' uliyyah dan amanah dalam pentadbiran awam ke arah bersih rasuah—Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu—Bandaraya Islam (MPKB-BRI). *Jurnal Keputeraan*. Jilid, 3.
- Muslim, N. (2017). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid v Kerajaan Negeri Kelantan [2024]2 MLJ 150
- Noor, A. A. S. H., Mubarak, M. Z., & Yusuff, N. A. (2024). Rasionalisasi kebolehlaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 (Hudud) Kelantan dalam konteks Malaysia. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 7(2), 83-93.
- Othman, L. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, M. S. A. (1994). Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993: Satu analisis. *Jurnal Parlimen Malaysia, DEWAN*, 2(6), 12–13.
- Perlembagaan Persekutuan* (Teks Terkini-2020).
- Razali, M. K. A. (2014). *Taknin Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M: Satu kewajiban & langkah dakwah*. Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014, UKM, Bangi.
- Reuters. (2024, October 24). *Saudi Arabia's FDI inflows at \$26 bln in 2023, exceeding target*. <https://www.reuters.com/world/middle-east/saudi-arabias-fdi-inflows-26-bln-2023-exceeding-target-2024-10-24/>
- Sarbini, M., Sulong, J., & Basir, N. (2024). *Kesediaan Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia*. Penerbit USM.
- Shaheed, A. (2021). *Countering Islamophobia/ Anti-Muslim hatred to eliminate discrimination and intolerance based on religion or belief* (Human Rights Council, Forty-sixth session). United Nations. <https://documents-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/G21/045/76/PDF/G2104576.pdf?OpenElement>
- Sinar Harian. (2024). Buang bayi satu tragedi kemanusiaan. Buang bayi satu tragedi kemanusiaan. <https://www.sinarharian.com.my/article/757248/suara-sinar/analisis-sinar/buang-bayi-satu-tragedi-kemanusiaan>
- Sinar Harian. (2024). Lebih 16,000 remaja hamil luar nikah, hampir 50 peratus Melayu. <https://www.sinarharian.com.my/article/757446/berita/nasional/lebih-16000-remaja-hamil-luar-nikah-hampir-50-peratus-melayu--->
- Sinar Harian. (2025, Disember 13). *Kelantan bentang penggubalan semula 16 seksyen enakmen syariah tahun depan*. <https://www.sinarharian.com.my/article/760867/edisi/kelantan/kelantan-bentang-penggubalan-semula-16-seksyen-enakmen-syariah-tahun-depan>
- Sufeenah M. Suaree, N. A., & Musa, N. (2025). Analisa perkembangan kerangka perundangan penilaian impak sosial di Malaysia, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 95, 95–112. UKM Press.
- Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1983). *Al-mausu'ah al-fiqhiyyah* (2nd ed.). Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- World Population Review. (2024). Abstinence-only education states 2024. <https://worldpopulationreview.com/state-rankings/abstinence-only-education-states>
- Yin, R. K. (2003). Designing case studies. *Qualitative Research Methods*, 5(14), 359-386.
- Yusof, F. N. A., Ismail, I., Embong, R., & Zamri, N. F. (2023). Tren Penyebaran Islamofobia di Media Sosial: The Trend of Islamophobia Dissemination on Social Media. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(3), 31-44.

- Zaidan, A. K. (1996). *Usul al-da'wah*. Mu'assasah al-Risalah.
- Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Ab Hamid, N. S. (2022). Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam pembangunan strategik di Institusi Pengajian Tinggi Islam swasta: Satu Kajian Awal di KIAS. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 1-16.
- Zayla'i, U. I. A. (2000). *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.